

KELUARGA CEMERLANG LAHIR GENERASI BERTAKWA

Kisah kejayaan bermula dari rumah wajar dipapar sebagai motivasi kepada umum

Siti Zarinah Sahib

sitizarinah@hmetro.com.my

Masyarakat sering didedahkan dengan masalah sosial seperti kelahiran anak tidak sah taraf, perceraian, penderaan suami dan keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja. Cerita ini sering kali menenggelamkan kisah keharmonian keluarga, kejayaan anak dalam pelajaran serta pembentukan keluarga sakinah yang bermula dari rumah.

Sedangkan kisah sebegini wajar dipertontonkan kepada umum agar menjadi inspirasi bagi membina pembentukan anak yang cemerlang sahsiahnya.

Menurut Pengerusi Majlis Perunding Wanita Islam Malaysia Prof Datuk Noor Aziah Mohd Awal, walaupun banyak kisah yang meruntun jiwa dipaparkan, masih banyak kisah kejayaan wanita, anak dan keluarga mithali yang tidak

didedahkan sedangkan ia sangat membantu dalam memberikan idea serta semangat kepada pihak lain untuk menjadi seperti mereka.

"Selain cerita sedih, sebenarnya masyarakat menginginkan kisah keluarga yang berjaya mendidik anak dengan cemerlang bukan saja untuk diri tetapi juga agama dan negara," katanya.

Menurut sumber Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia pada Januari sehingga Ogos 2015, sejumlah 38,035 pasangan bercerai manakala seramai 152,182 anak tidak sah taraf dilahirkan dari 2008 hingga 2010 (sumber Jabatan Pendaftaran Negara).

Kadar kelahiran yang semakin meningkat ini dapat memberikan motivasi kepada masyarakat untuk terus membimbing anak mereka untuk menjadi insan cemerlang dan seterusnya melahirkan masyarakat penyayang berlandaskan nilai Islam.



NOOR AZIAH.

Sebagai penghargaan kepada mereka yang berjaya dalam pembentukan keluarga cemerlang, sekali lagi Anugerah Keluarga Mithali 2017, diwujudkan bagi memberi pengiktirafan kepada keluarga yang berjaya membentuk kecemerlangan anak dan sahsiah yang unggul.

Pada masa sama ia memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa peranan melahirkan generasi bertakwa adalah tanggung-jawab bersama. Bertemakan Keluarga

Mithali Impian Kita, anugerah Ibu Mithali anjuran Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) yang diilhamkan sejak 1980-an ditukar kepada Anugerah Keluarga Mithali pada 2014 sekali gus memberi pengiktirafan kepada seluruh isi keluarga yang cemerlang dan harmoni dalam menjalani kehidupan berlandaskan nilai Islam.

EMPAT KATEGORI DIPERTANDINGKAN UNTUK TAHUN INI IAITU:

1. Anugerah Keluarga Mithali yang memberi tumpuan kepada keluarga yang cemerlang dalam pendidikan dan menyumbang kepada masyarakat, agama, bangsa dan negara.

2. Anugerah Bapa Mithali memberi peluang kepada bapa yang terserlah sifat kepemimpinan, ketakwaan dan kegigihan menerapkan nilai Islam dalam diri, keluarga dan masyarakat.

Bapa yang mendidik anak sehingga berjaya dan berakhlak mulia.

3. Anugerah Ibu Mithali memberi pengiktirafan kepada ibu yang memiliki ciri ummul mukminin iaitu mempunyai sifat ketakwaan, kesabaran dan kegigihan menerapkan nilai Islam dalam diri, keluarga dan masyarakat. Ibu yang mendidik anak hingga berjaya dan berakhlak mulia.

4. Anugerah Pewaris Harapan ditujukan kepada belia sama ada berkahwin atau bujang berumur 18 hingga 30 tahun.

Mereka yang berminat dan layak menyertainya boleh menghantar borang pencalonan sama ada diisi oleh jabatan kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan (NGO), orang perseorangan dan anak dengan mengisi butiran calon Keluarga Mithali dengan lengkap. Untuk maklumat lanjut layari laman sesawang www.keluargamithali.yadim.com.my



Selain cerita sedih, sebenarnya masyarakat menginginkan kisah keluarga yang berjaya mendidik anak dengan cemerlang bukan saja untuk diri tetapi juga agama dan negara

NOOR AZIAH